

Tsunami ujian kekuatan iman orang Islam — Dr. M

UM - 5/2/2005: 8

BANDA ACEH 4 Feb. — Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini berucap dalam Masjid Baiturrahman di sini - tempat beratus-ratus orang terselamat semasa bencana tsunami pada 26 Disember lepas - dengan berkata malapetaka itu merupakan satu ujian Tuhan terhadap iman orang Islam.

Katanya, bencana itu seharusnya menjadi pengajaran kepada umat Islam agar berusaha membina kehidupan mereka dan keluarga tanpa terlalu bersejarah kepada takdir.


"Nasib umat Islam zaman ini sangat buruk berbanding zaman tamadun Islam dahulu, adakah ini nasib kita atau kita boleh mengubah nasib kita.

"Dalam al-Quran, Allah berfirman tidak akan mengubah nasib seseorang kecuali mereka sendiri berusaha mengubahnya. Jika kita hanya berserah kepada takdir, seolah-olah kita menuduh Tuhan atas nasib malang kita," kata Dr. Mahathir yang diberi penghormatan oleh pihak berkuasa masjid terbesar di provinsi Aceh itu untuk berucap selepas menunaikan solat Jumaat bersama lebih 5,000 jemaah.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, umat Islam tidak hanya boleh bersedih dengan kejadian itu tetapi sebaliknya perlu menjadikannya sebagai pengajaran sama ada apa yang mereka amalkan benar-benar mengikut ajaran agama.

Umat Islam seharusnya berusaha memperbaiki kehidupan mereka kerana ia tidak akan datang bergolek atau melayang kalau kita tidak berusaha, katanya.

Dr. Mahathir yang dalam lawatan tiga hari ke Aceh berkata semalam beliau meninjau kemusna-



SEBAHAGIAN daripada 5,000 jemaah tekun mendengar ucapan Dr. Mahathir Mohamad yang diberi penghormatan berucap selepas solat Jumaat di Masjid Baiturrahman Banda Aceh, semalam. — Gambar Bernama

han akibat tsunami dan gempa bumi dari udara, termasuk wilayah Meulaboh, iaitu kawasan yang paling teruk dilanda bencana itu yang mengorbankan lebih 112,000 orang manakala lebih 127,000 lagi masih hilang.

"Sepanjang pantai saya lihat betapa besarnya malapetaka yang melanda rakyat negeri Aceh. Ini satu ujian Tuhan terhadap iman kita. Kita harus pandang ini sebagai satu pengajaran kepada kita," katanya.

Bekas Perdana Menteri juga bercakap mengenai banyak masjid di Aceh

yang masih berdiri tegak walaupun dihempas ombak besar tsunami sedangkan bangunan-bangunan lain di sekelilingnya ranap sama sekali.

"Ini mungkin sebab masjid-masjid adalah rumah Allah. Tetapi mungkin juga kerana pembinaan masjid lebih kemas berbanding bangunan-bangunan seperti rumah. Ia mungkin tidak praktikal dari segi kos tetapi kita mungkin boleh melihat dari segi pembinaannya yang kemas," katanya.

Dr. Mahathir berkata, penduduk Aceh yang hampir keseluruhannya ber-

agama Islam perlu berusaha untuk membangunkan semula negeri mereka sehingga menjadi seperti sedia kala sebelum bencana.

"Banyak bantuan yang diterima daripada seluruh dunia tetapi, kita tidak akan perlu bergantung kepada bantuan tersebut selamanya.

"Justeru kita perlu berusaha sendiri bagi membangunkan diri, keluarga dan Aceh," katanya.

Dr. Mahathir berkata, bumi Aceh yang kaya dengan pelbagai sumber semulajadinya dan jika ia dapat diuruskan dengan baik, beliau percaya ia akan dapat

mendatangkan hasil yang banyak untuk digunakan bagi memajukan Aceh.

Mengenai lawatannya yang berakhir hari ini, beliau berkata: "Saya rasa bertanggungjawab untuk mencari jalan bagi membantu rakyat Aceh meringankan beban yang mereka hadapi."

Beliau berharap sumbangan Malaysia kepada rakyat Aceh akan dapat sedikit sebanyak membantu mereka untuk bangkit daripada kemusnahan itu.

Pelbagai pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan dari Malaysia telah berada di Aceh sejak bencana itu

dalam misi kemanusiaan selain menyalurkan bantuan kewangan dan barangan.

Sementara itu ketika ditanya wartawan mengenai pengunduran tentera Amerika daripada misi bantuan di Aceh, Dr. Mahathir berkata, masih banyak lagi sumbangan yang boleh diberikan oleh Amerika melalui pertubuhan bukan kerajaannya (NGO) dan bukan hanya melalui tenteranya.

Kapal induk Amerika USS Abraham Lincoln yang berlabuh di sini sebagai pangkalan operasi bantuan kemanusiaan negara itu meninggalkan Aceh semalam setelah berada di Aceh sejak 29 Disember.

Menurut Dr. Mahathir, bantuan kemanusiaan tidak semestinya terdiri daripada pasukan tentera kerana NGO termasuk dari Amerika masih boleh menjalankan tugas itu.

"Pasukan Amerika yang berjenis tentera tidak begitu penting, saya yakin lebih ramai lagi yang dapat ganti tempat mereka sama ada dari Amerika yang bukan tentera ataupun bantuan dari negara lain," katanya.

Dr. Mahathir berkata, sehingga kini banyak bantuan yang telah disalurkan ke Aceh oleh negara asing namun demikian beliau merasakan pengurusan bantuan berkenaan masih boleh diperbaiki lagi.

Dr. Mahathir yang turut disertai isterinya Tun Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali dan anaknya, Datuk Mukhriz Mahathir yang juga penyelaras Aman Malaysia, sebuah NGO yang menyalurkan bantuan air dan makanan serta mengendalikan sebuah klinik kesihatan bagi mangsa tsunami, berlepas pulang petang ini. — Bernama